

Lajim Amat Yakin Dengan Sistem Kehakiman Di Negara Ini
Bernama
July

4,

2014

KOTA KINABALU, 4 Julai (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Klias Datuk Seri Lajim Ukin berkata beliau amat yakin dengan sistem kehakiman dan mahkamah di negara ini.

Lajim, yang juga Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah, berkata mahkamah dan hakim di negara ini melaksanakan tugas mereka dengan penuh kebijaksanaan.

"Saya cukup yakin para hakim yang telah mengendalikan kes ini mempunyai kebijaksanaan dan adil. Ini sudah terbukti bahawa mahkamah itu masih lagi menjalankan penghakiman mereka secara adil," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejayaan mempertahankan kerusi DUN Klias selepas Mahkamah Persekutuan pada Isnin menolak rayuan calon Barisan Nasional bagi membatalkan keputusan pilihan raya bagi kawasan itu pada pilihan raya umum ke-13.

Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin, yang mempengerusikan panel lima anggota Mahkamah Persekutuan, memutuskan bahawa rayuan Isnin Aliasnih tidak mempunyai merit dan memerintahkan beliau membayar kos sebanyak RM20,000 kepada Lajim.

Lajim memenangi kerusi Klias atas tiket PKR dengan majoriti 179 undi setelah meraih 6,324 undi berbanding Isnin sebanyak 6,145 undi.

Isnin memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan apabila Mahkamah Pilihan Raya menolak petisyennya pada 6 Dis tahun lepas.

Ditanya tindakan beliau selepas proses mahkamah lebih setahun itu, Lajim berkata "yang berlalu biarlah berlalu".

Katanya, beliau ingin memberi tumpuan dan perkhidmatan kepada rakyat di Klias.

Mengulas persidangan DUN yang berlangsung pada bulan ini, Lajim sebagai ketua pembangkang di Sabah berkata pihaknya sedia memberi sokongan kepada apa sahaja usaha kerajaan yang boleh memanfaatkan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051436>